

KEADAAN dinding bangunan yang runtuh selepas tangki air di tingkat 4 di Kompleks Teruntum pecah, semalam.



LARIAN METRO



Mohamad Azim Fitri Abd Aziz  
azimfitri@hmetro.com.my

# 'Macam gempa bumi'

Kuantan

"Saya rasa kalut saya dan isteri lambat lari menyelamatkan diri, mungkin kami sudah tiada lagi (meninggal dunia) kerana sebaik mendengar dentuman kuat seperti gempa bumi itu kami terkedu sebelum isteri menarik saya menyelamatkan diri."

**Empat cedera, 10 motosikal dan tiga kereta rosak akibat tangki air di tingkat 4 Kompleks Teruntum pecah**

itu kata-kata mangsa Sheikh Mohd Hanafi Sheikh Ali, 50, yang terselamat bersama isterinya Norziah Abdul Ghafar, 51, dalam kejadian runtuh dinding bangunan akibat tangki air pecah di Kompleks Teruntum, di sini, jam 1 tengah hari, semalam.

Menurut Sheikh Mohd Hanafi, ketika kejadian dia dan isteri

berjalan ke pusat beli-belah Kuantan Parade selepas meletakkan motosikal di kawasan parkir belakang Kompleks Teruntum itu. Bagaimanapun, ketika berjalan dia dikejutkan dengan runtuh dinding bangunan kompleks itu serta air yang mencurah dari tingkat empat kompleks setinggi 40 meter.

"Saya dan isteri cedera di siku, lutut dan tapak tangan akibat terjatuh ketika cuba melarikan diri. Nasib baik kami

tidak cedera serius.

"Bagaimanapun, motosikal Modenas Kriss saya rosak teruk dihempap serpihan batu dan saya membuat laporan polis mengenai kejadian itu," katanya ketika di-

temui wartawan di lokasi kejadian.

Dalam kejadian jam 1 tengah hari, sekurang-kurangnya empat cedera, manakala 10 motosikal dan tiga kereta terjerak teruk selepas berlaku runtuh dinding bangunan akibat kejadian tangki air pecah dari tingkat empat bangunan kompleks itu.

Rata-rata, kenderaan rosak akibat terkena serpihan batu selepas ditinggalkan di kawasan parkir kompleks.

Sementara itu, jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat Kuantan berkata, pihaknya kini melakukan pemeriksaan mengenai tahap ke-

selamatan bangunan itu selepas kejadian tangki air pecah.

"Kami berbincang dengan pemilik kompleks itu dan melakukan pemeriksaan keselamatan. Jika bangunan itu perlu dikosongkan atau ditutup untuk sementara waktu, ia dilakukan sementara menanti kerja baik pulih selesai.

"Langkah keselamatan perlu diambil bagi mengelak lebih ramai mungkin tercedera. Punca tangki air pecah masih disiasat," kata jurucakap itu.

Tinjauan Harian Metro ke lokasi kejadian mendapati kerja penutupan kawasan runtuh dilakukan anggota bomba dan penyelamat, manakala proses mengalihkan kenderaan turut dilakukan.

Difahamkan, semua premis perniagaan di kompleks itu diminta menghentikan operasi buat seketika dan orang ramai diminta mengosongkan bangunan bagi membolehkan kerja pemeriksaan keselamatan.



"Kami terkedu sebelum isteri menarik saya selamatkan diri Sheikh Mohd Hanafi"



NORZIAH cedera di tapak tangan akibat terjatuh ketika lari menyelamatkan diri.



KENDERAAN yang rosak dihempap batu konkrit dalam kejadian tangki air pecah.